

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menyesuaikan jadual persekolahan supaya sesi persekolahan murid boleh berjalan lancar dan apakah usaha yang dilaksanakan bagi menangani masalah keciciran waktu belajar akibat wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahewartakan pindaan Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2020 pada 23 Jun 2020. Pindaan ini adalah bagi membantu pihak sekolah membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan teratur. Pindaan ini turut mengambil kira tempoh penutupan sekolah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga pembukaan semula sekolah secara berperingkat bermula 24 Jun 2020.

Oleh hal demikian, KPM telah melaksanakan penjajaran kurikulum yang meliputi aspek kandungan, pedagogi serta pentaksiran berdasarkan tempoh hari persekolahan dan waktu mata pelajaran dengan memberi fokus kepada hasil pembelajaran yang dihasratkan (*intended learning outcomes*).

Sehubungan itu, pihak sekolah telah menyediakan jadual waktu yang merujuk kepada penjajaran jam minimum kurikulum bersesuaian berdasarkan bilangan murid, guru dan kelas. Bagi sekolah yang melaksanakan model penggiliran, jadual waktu persekolahan dilaksanakan secara fleksibel berdasarkan penjajaran kurikulum yang bersifat *hybrid* iaitu menggabungkan pembelajaran secara bersemuka dan *Home-Based Learning* (HBL). Justeru, waktu PdP dapat dihabiskan mengikut takwim persekolahan yang telah dipinda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh PKP. KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

## NO. SOALAN : 15

Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Pelantar ini boleh diakses oleh guru dan murid. Selain itu, mereka juga boleh menggunakan pelantar EduwebTV, CikgooTube dan Kelas Digital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam, termasuk juga murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran Tutor TV Astro di saluran 601 dan 603.

Selain itu, bagi murid yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya, guru melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan atau tercicir dalam mengikuti pembelajaran yang sewajarnya. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Selain itu, KPM juga turut menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.